



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

26 Jun 2020

1. SOP korban tumpu jumlah peserta, kesihatan ternakan; Berita Harian
2. SOP on 'korban' to focus on attendance, animal's health; News Srtraits Times

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Nasional	M/SURAT: <input type="text" value="6"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
26 Jun 2020			

Pemulihan COVID-19

SOP korban tumpu jumlah peserta, kesihatan ternakan

Timbalan Menteri harap peraturan diseragamkan

Oleh Mohd Roji Kawi, Dziyaul Afnan Abdul Rahman, Noorazura Abdul Rahman, Zuhainy Zulkifli dan Nurul Amanina Suhaini bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Prosedur operasi standard (SOP) ibadat korban akan memberi penekanan kepada jumlah kehadiran individu ketika ibadat korban dan kesihatan haiwan ternakan yang terbabat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ahmad Marzuk Shaary, berkata SOP berkenaan akan diumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

"Saya berharap SOP berkenaan akan digunakan secara seragam di seluruh negara," katanya selepas melancarkan program ibadat korban dan akikah di Kemboja anjuran Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Kompleks Islam Putrajaya, di

sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan aktiviti ibadat korban sempena Aidiladha dibenarkan di Wilayah Persekutuan, dengan SOP yang ketat membabitkan kapasiti kehadiran maksimum 30 orang, pada satu-satu masa bagi menguruskan seekor lembu.

Setakat ini, negeri yang membenarkan ibadat korban ialah Perlis, Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor.

Di Perlis, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, ibadah korban dibenarkan di negeri itu pada Aidiladha tahun ini, bagaimanapun pelaksanaannya perlu mematuhi SOP yang bakal dikeluarkan dalam masa terdekat.

"Ibadah korban dibenarkan dengan mematuhi SOP khas yang akan ditetapkan tidak lama lagi. Begitu juga solat Aidiladha dibenarkan untuk dilaksanakan dan ia turut tertakluk kepada peraturan ditetapkan," titah baginda menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan Istana Arau, semalam.

Di Kedah, Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pendidikan dan Sumber Manusia negeri, Datuk Najmi Ahmad, berkata Kedah benarkan pelaksanaan ibadah korban dengan jumlah kehadiran peserta pada satu-satu masa yang tertakluk kepada

kesesuaian kawasan dan tempat.

"Ia bagi mengelak elemen sesak, sempit dan bersempang secara dekat. Jika proses menyembelih haiwan korban dilakukan di kawasan perumahan, jumlah pengendali atau mereka yang melapah daging perlu diminimumkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Najmi berkata, pengagihan daging korban juga boleh dilakukan bersama penjarakan sosial, namun setakat ini sebarang bentuk majlis jaman dan kenduri adalah tidak dibenarkan.

Di Pulau Pinang, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Zulkifli Long, berkata bilangan petugas yang ditetapkan bagi mengurus ibadah korban di negeri ini dihadkan kepada 10 orang bagi setiap penyembelihan seekor lembu, kerbau atau unta, manakala empat petugas bagi kambing dengan tempoh masa dibenarkan antara jam 8 pagi hingga 6 petang.

"Jumlah haiwan yang hendak dikorbankan pula tidak mempunyai had tetapi bergantung keluasan kawasan. Petugas juga perlu membawa sendiri peralatan yang sudah disanitasi.

"Aktiviti akikah, memasak daging korban atau jaman di tempat pelaksanaan juga tidak dibenarkan. Petugas dan peserta perlu mengikut SOP yang ditetapkan seperti memakai pelitup muka dan sarung tangan. Pen-

gesahan penyertaan, penyempurnaan akad atau wakalah dan pembayaran boleh dilakukan secara dalam talian dan peserta juga tidak dibenarkan berada dalam kawasan pengurusan korban dan boleh hadir secara berperingkat bagi mengambil bahagian korban masing-masing," katanya, semalam.

Di Johor, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Tosrin Jarvanthi, berkata jawatankuasa masjid atau surau di negeri ini digalakkan membuat permohonan dua minggu sebelum tarikh melakukan ibadah korban.

Beliau berkata, ia dibenarkan di pusat penyembelihan dan masjid yang memiliki tempat penyembelihan yang diluluskan oleh Pejabat Kadi Daerah dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah dan setakat ini, hanya 31 pusat penyembelihan di seluruh negeri diberi lesen untuk menjalankan ibadah korban meliputi 17 pusat penyembelihan tetap dan 14 pusat penyembelihan sementara.

"Mengikut SOP, petugas dengan kapasiti 20 orang dalam satu masa sahaja dibenarkan bagi membuat aktiviti penyembelihan korban dan ahli jawatankuasa masjid dan surau hendaklah bertanggungjawab mematuhi segala garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor



Saya berharap SOP berkenaan akan digunakan secara seragam di seluruh negara.

Ahmad Marzuk Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

(JAINJ)," katanya.

Di Sarawak, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi berkata, masjid dan surau yang berhasrat menjalankan ibadah korban sempena Aidiladha, perlu membentuk jawatankuasa pengelola dan mendaftar dengan Pejabat Agama Islam Bahagian.

"Mereka juga perlu mendapatkan permit penyembelihan haiwan ternakan daripada Pejabat Veterinar Negeri atau mana-mana Pejabat Veterinar Daerah. Jumlah individu yang dibenarkan ketika penyembelihan pula hanya 10 orang sahaja, manakala ketika melapah pula dibenarkan hanya 20 orang.

"Bagi proses pemotongan, timbang dan pembungkusan pula hanya dibenarkan 10 orang, manakala peserta dan penerima maksima 20 orang," katanya.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input checked="" type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : News	M/SURAT: <input type="text" value="4"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
26 Jun 2020			

SOP on 'korban' to focus on attendance, animal's health

PUTRAJAYA: The standard operating procedures (SOP) for *korban* will emphasise the number of individuals present during the ritual and the health of the livestock involved, said Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Ahmad Marzuk Shaary.

He said the SOP would be announced by Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamed Al-Bakri.

He said this after launching an *aqiqah* (sacrifice of an animal on the occasion of a child's birth) acceptance programme in Cambodia, organised by the Religious Services Employees Association of the Department of Islamic Development Malaysia at the Putrajaya Islamic Complex here yesterday.

On Wednesday, Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said *korban* activities, held in conjunction with Hari Raya Aidiladha, were allowed in the Federal Territories.

He added that only up to 30 people were permitted during the ritual and that they must adhere to the Covid-19 SOP.

Other states that are permitted to conduct *korban* are Perlis, Kedah, Negri Sembilan and Selangor.

In **Kuching**, the state's mosques and surau that are keen to conduct the ritual need to obtain a livestock slaughter permit from the state Department of Veterinary Services or any district Veterinary Services Office.

Sarawak Assistant Minister in the Chief Minister's Department (Islamic Affairs) Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi said according to the guidelines set by the Sarawak Islamic Council, mosques and surau should set up organising committees and register with the divisions' Islamic Religious Offices.

"The organisation of *korban* this year must adhere to the ministry's guidelines, while the sacrificial animal supplier must obtain a Veterinary Health Certificate from the state Department of Veterinary Services or any district Veterinary Services Office," he said. **Berna-**

ma